



**SUKATAN PEPERIKSAAN LISAN JURUBAHASA DIALEK (ELAUN KHAS)  
PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN**

**Disediakan oleh:  
Urus Setia Peperiksaan  
Bahagian Pembangunan Strategik dan Latihan  
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan  
Aras 2 (Utara), Istana Kehakiman  
62506 PUTRAJAYA**

## SUKATAN PEPERIKSAAN LISAN JURUBAHASA DIALEK (ELAUN KHAS)

- 1. Matlamat Sukatan** : Bagi membolehkan Jurubahasa Mahkamah yang berkelayakan untuk meningkatkan kebolehan berbahasa dalam bahasa Dialek bagi tujuan pengendalian urusan terjemahan dokumen perundangan, pemfailan dokumen dan prosiding kes di Mahkamah.
- 2. Tujuan Peperiksaan** : Peperiksaan ini adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan elaun khas kepada Jurubahasa Mahkamah yang mempunyai kelayakan khas dalam suatu bahasa Dialek tertentu di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil.12 Tahun 2002.
- 3. Pegawai yang Layak Mengambil Peperiksaan ini** Jurubahasa Mahkamah lantikan Pejabat Ketua Pendaftar Persekutuan di seluruh Malaysia yang telah disahkan jawatan yang mempunyai kebolehan bahasa tertentu adalah layak untuk memohon bagi menduduki peperiksaan ini.  
Syarat-syarat permohonan:  
a) telah disahkan jawatan dalam perkhidmatan;  
b) mempunyai prestasi yang baik; dan  
c) tambahan Bahasa dan Loghat yang dipohon adalah perlu dan berguna dalam kerja harian Jurubahasa berkenaan.
- 4. Komponen Peperiksaan** : Peperiksaan ini terbahagi kepada 3 Bahagian iaitu **Bahagian I**, **Bahagian II** dan **Bahagian III**. Calon dikehendaki menjawab semua soalan.

## **SUKATAN PEPERIKSAAN**

### **BAHAGIAN I (UJIAN PERCAKAPAN)**

(A) Sesi Pengenalan (*Warm Up*)

(B) Isu-Isu Semasa

Markah : 5 markah

Masa : 3 minit

### **BAHAGIAN II (UJIAN TERJEMAHAN)**

#### **KERTAS 1**

##### **Seksyen A: Terjemahan Bahasa Dialek - Bahasa Melayu (Artikel)**

Menterjemahkan petikan Bahasa Dialek ke dalam Bahasa Melayu.

Markah : 20 markah

Masa : 4.5 minit

##### **Seksyen B: Terjemahan Bahasa Melayu - Bahasa Dialek (Artikel)**

Menterjemahkan petikan Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Dialek.

Markah : 20 markah

Masa : 4.5 minit

#### **KERTAS 2**

##### **Seksyen A: Terjemahan Bahasa Melayu - Bahasa Dialek (*Statutory Declaration*)**

Calon dikehendaki untuk menterjemah *statutory declaration* daripada Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Dialek

Markah : 10 markah

Masa : 4.5 minit

## **Seksyen B: Terjemahan Bahasa Melayu - Bahasa Dialek (Afidavit Penyampaian)**

Calon dikehendaki untuk menterjemah Afidavit Penyampaian daripada Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Dialek

Markah : 10 markah

Masa : 4.5 minit

## **KERTAS 3**

### **Terjemahan Bahasa Melayu - Bahasa Dialek (Kertas Pertuduhan)**

Calon dikehendaki untuk menterjemah kertas pertuduhan daripada Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Dialek

Markah : 20 markah

Masa : 4.5 minit

## **BAHAGIAN III (UJIAN PEMAHAMAN)**

Calon dikehendaki untuk membaca keratan akhbar dari suratkhbar Bahasa Melayu dan menterjemah ke dalam Bahasa Dialek menggunakan perkataan dan penggunaan Bahasa yang tepat.

Di samping itu, calon dikehendaki berbicara dan menjelaskan isi kandungan keratan akhbar di dalam Bahasa Melayu dan juga bahasa dialek.

Markah : 15 markah

Masa : 4.5 minit

Markah keseluruhan : **100 Markah**

Tempoh Temuduga : 120 minit / 2 jam

(Tertakluk kepada budi bicara penemuduga)